

Dasar Privasi

1. Pengenalan

- 1.1. Selaras dengan matlamatnya untuk mematuhi keperluan perundangan mengenai perlindungan data peribadi dan untuk mengekalkan standard kerahsiaan tertinggi berkenaan dengan data peribadi tetamu, pelawat, ahli, pelanggan atau ahli sekutu kami, dokumen ini menetapkan Dasar Privasi bagi Malayan Racing Association ("**MRA**") dan kelab-kelab yang bersekutu dengannya, iaitu Kelab Turf Pulau Pinang, Kelab Turf Selangor, Kelab Turf Perak dan Kelab Turf Singapura ("**Kelab-Kelab Bersekutu**"). Untuk tujuan Dasar Privasi ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengan perlindungan data, melainkan dinyatakan sebaliknya, rujukan kepada MRA bermaksud MRA dan Kelab-Kelab Bersekutu. Dasar Privasi MRA boleh diakses di <https://www.malayan-racing.com/Private-Policy> dan <https://racing.turfclub.com.sg/en/privacystatement>
- 1.2. Tujuan undang-undang data peribadi ("**PDPA**") adalah untuk mentadbir pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi oleh organisasi dengan cara yang mengiktiraf kedua-dua hak individu untuk melindungi data peribadi mereka dan keperluan organisasi untuk mengumpul, menggunakan atau mendedahkan data peribadi untuk tujuan yang difikirkan sesuai oleh orang yang munasabah dalam keadaan tersebut.
- 1.3. Dasar Privasi ini terpakai kepada semua maklumat yang dikumpulkan oleh MRA daripada tetamu, pelawat, ahli, pelanggan atau ahli sekutu kami.
- 1.4. Tiada apa-apa dalam Dasar Privasi ini bertujuan untuk mengurangkan mana-mana kontrak yang telah anda persetujui dengan MRA.
- 1.5. Bagi tujuan dasar ini, istilah "kami" atau "kita" hendaklah, melainkan dinyatakan sebaliknya, merujuk kepada MRA.

2. Apakah itu data peribadi?

- 2.1. Data peribadi adalah maklumat peribadi, sama ada benar atau tidak dan sama ada dalam bentuk elektronik atau bentuk lain, mengenai individu yang boleh dikenal pasti:-
 - 2.1.1. Daripada jenis-jenis data yang kami kumpulkan mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada:-
 - a. nama penuh;
 - b. nombor dokumen pengenalan cth., nombor Kad Pengenalan, nombor pasport;
 - c. gambar-gambar atau imej-imej video dari mana seorang individu dapat dikenalpasti secara nyata;
 - d. nombor telefon bimbit atau kediaman;

- e. alamat e-mel peribadi;
- f. alamat kediaman;
- g. kewarganegaraan;
- h. tarikh lahir; dan
- i. maklumat kewangan.

2.1.2. Daripada data tersebut dan maklumat lain di mana kami mempunyai akses atau berkemungkinan mempunyai akses.

2.2. Kami akan melakukan yang terbaik untuk memastikan bahawa data peribadi anda yang kami kumpulkan adalah tepat. Walaubagaimanapun, kami menggalakkan anda untuk memberi kami kemaskini tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda secepat mungkin.

3. **Bilakah data peribadi anda dikumpul?**

- 3.1. Apabila anda memohon kepada MRA untuk menjadi pemegang lesen, ahli atau pemegang akaun *Racing Gold Card* (jika berkenaan) atau apabila anda mengemas kini maklumat peribadi anda.
- 3.2. Apabila imej anda ditangkap oleh jurugambar atau juruvideo kami di premis kami atau di acara kami.
- 3.3. Apabila imej anda ditangkap oleh sistem CCTV kami.
- 3.4. Apabila anda melawat MRA, menghadiri acara kami atau memberi respon kepada kempen pemasaran kami.
- 3.5. Apabila anda bertanya tentang ataupun menyewa petak korporat, bilik majlis, atau ruang tempat di MRA.
- 3.6. Apabila anda memberi maklumbalas atau berinteraksi dengan pegawai perkhidmatan pelanggan MRA cth., melalui mesyuarat, borang pertanyaan, e-mel, atau panggilan telefon (panggilan telefon mungkin direkodkan bagi tujuan latihan dan kawalan kualiti).
- 3.7. Apabila anda bersetuju untuk kami menghubungi anda.
- 3.8. Apabila anda bersetuju untuk disenaraikan dalam satu senarai mel.
- 3.9. Apabila anda mengambil bahagian dalam sebarang peraduan, tinjauan atau promosi MRA.
- 3.10. Apabila anda bersetuju untuk kami melaksanakan semakan rujukan kredit atau untuk memperolehi maklumat daripada pihak berkuasa atau badan kawal selia.

- 3.11. Dalam situasi tertentu, kami mungkin akan menerima data peribadi anda daripada badan kawal selia, pihak berkuasa atau pihak ketiga.
 - 3.12. Apabila anda mengakses laman web kami, sistem e-pesanan dan WIFI.
 - 3.13. Apabila anda memberi data peribadi ahli keluarga, kawan-kawan atau pihak-pihak ketiga lain bagi tujuan berkaitan dengan adat resam, lawatan atau penglibatan anda dengan MRA dan industri perlumbaan.
4. **Apakah kegunaan maklumat yang dikumpul?**
- 4.1. Bagi mengekalkan satu pendaftar bagi ahli-ahli kami.
 - 4.2. Pentadbiran am bagi permohonan keahlian.
 - 4.3. Untuk memudahkan penggunaan kemudahan dan perkhidmatan kami dan juga penyertaan dalam aktiviti kami.
 - 4.4. Untuk menjawab permintaan dan pertanyaan anda.
 - 4.5. Untuk berkomunikasi dengan anda.
 - 4.6. Untuk menguatkuasakan aturan dan peraturan, hak-hak kontrak dan perundangan, dan kewajipan kami.
 - 4.7. Untuk menghantar anda maklumat, promosi, kemaskini dan bahan pemasaran dan pengiklanan berhubung dengan kemudahan, perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti yang ditawarkan oleh MRA dan ahli sekutu kami.
 - 4.8. Untuk menghebahkan acara dan aktiviti MRA dalam penerbitan kami.
 - 4.9. Dari semasa ke semasa, untuk menjalankan peraduan, tinjauan atau promosi.
 - 4.10. Untuk mengekalkan tahap keselamatan yang sewajardi MRA dan premisnya.
 - 4.11. Untuk menjalankan penilaian dan analisis, semakan latar belakang atau kredit dengan badan kawal selia, pihak berkuasa, agensi pelaporan kredit atau agensi pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada CTOS Data Systems Sdn Bhd.
 - 4.12. Untuk mematuhi undang-undang, sebarang permintaan daripada pegawai penguatkuasaan undang-undang dan kawal selia, atau perintah mahkamah.
 - 4.13. Untuk tujuan yang konsisten dengan Perlembagaan MRA, Peraturan dan Kaedah Perlumbaan.
 - 4.14. Terhadap sebarang tujuan penggunaan lain yang kami telah mendapat persetujuan anda, secara nyata atau tersirat.

5. Kepada siapakah data peribadi anda boleh didedahkan?

5.1. Kami mungkin akan mendedahkan maklumat anda kepada pembekal perkhidmatan kami, ejen dan pihak-pihak yang dikenal pasti di bawah untuk tujuan yang dirujuk di atas:-

- (i) mana-mana entiti berkaitan MRA, termasuk ahli-ahli sekutu, kelab-kelab bersekutu, ejen-ejen, wakil-wakil, pembekal-pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan perniagaan MRA di dalam dan di luar Singapura dan Malaysia, termasuk yang ditubuhkan pada masa akan datang termasuk tetapi tidak terhad kepada konsultan profesional, penasihat undang-undang dan juruaudit;
- (ii) mana-mana orang yang MRA diwajibkan atau dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang, melalui perintah mahkamah atau sebagai tindak balas kepada satu agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan undang-undang yang kompeten, atau agensi kerajaan;
- (iii) mana-mana orang yang mempunyai kepentingan awam atau bagi kepentingan kami memerlukan pendedahan;
- (iv) mana-mana ejen atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, komersial, profesional, telekomunikasi atau perkhidmatan lain kepada MRA;
- (v) agensi kerajaan, badan kawal selia, badan penguatkuasaan undang-undang, Kerajaan Persekutuan atau Negeri;
- (vi) institusi kewangan, agensi pemeriksaan kredit, agensi pelaporan kredit dan agensi pencegahan penipuan; dan
- (vii) mana-mana subkontraktor atau pembekal pihak ketiga perkhidmatan atau produk seperti yang ditentukan oleh MRA sebagai perlu atau sesuai untuk tujuan penyimpanan atau pemprosesan data atau pengurusan sumber manusia atau sebaliknya.

5.2. Jika pada bila-bila masa anda memberi kami maklumat peribadi tentang orang lain, anda hendaklah memastikan bahawa anda diberi kuasa untuk berbuat demikian.

6. Ketepatan Data Peribadi Anda

6.1. Pihak MRA akan membetulkan sebarang maklumat yang kurang tepat apabila dimaklumkan sedemikian oleh pihak berkuasa.

7. Adakah persetujuan anda diperlukan dan bolehkah ia ditarik balik?

7.1. Kami akan berusaha untuk mendapatkan persetujuan anda untuk mengumpul, menggunakan dan mendedahkan data peribadi anda sebelum atau pada masa kami mengumpulnya. Walau bagaimanapun, dalam situasi tertentu anda akan dianggap telah bersetuju dengan pemberian data

peribadi anda, contohnya, apabila anda memberikan data peribadi anda secara sukarela.

- 7.2. Berkenaan dengan sistem CCTV kami dan imej yang dirakam, MRA telah meletakkan papan tanda di lokasi yang menonjol untuk memaklumkan anda tentang operasi sistem CCTV dan tujuannya adalah untuk memastikan dan mengekalkan keselamatan di dalam dan sekitar premis kami.
 - 7.3. Anda boleh memberi kami notis bertulis yang munasabah mengenai penarikan balik kebenaran anda untuk mengumpul, menggunakan atau mendedahkan data peribadi anda pada bila-bila masa. Dalam masa yang munasabah selepas kami menerima notis penarikan balik kebenaran anda, kami akan memaklumkan anda tentang akibat penarikan balik persetujuan anda dan bila ia akan berkuatkuasa. Kegagalan memberi persetujuan anda boleh:
 - mengakibatkan kami tidak dapat memproses permohonan anda;
 - mengakibatkan kami tidak dapat mempunyai perjanjian yang sah dengan anda;
 - mengakibatkan kami tidak dapat memberikan anda perkhidmatan dan/atau produk yang diminta; dan/atau
 - mengakibatkan kami tidak dapat memaklumkan anda tentang produk, perkhidmatan dan/atau pelancaran terkini.
 - 7.4. Sila ambil perhatian bahawa ia mungkin menjadi suatu keperluan undang-undang atau pengawalseliaan untuk kami memproses data peribadi anda dalam keadaan tertentu.
 - 7.5. Anda boleh menarik balik persetujuan anda yang telah diberikan sebelum ini berkenaan dengan pemrosesan data peribadi anda, melalui “unsubscribe” atau klausa pilih keluar (“opt-out”) yang dilampirkan pada komunikasi pemasaran kami.
8. **Bolehkah saya mendapatkan akses kepada atau membetulkan data peribadi saya?**
- 8.1. Anda boleh melihat data peribadi anda yang telah kami kumpul dan simpan pada bila-bila masa. Untuk membuat demikian, anda perlu menyerahkan permintaan bertulis untuk akses untuk melihat data peribadi anda. Kami mungkin meminta pembayaran yuran pentadbiran sebelum kami memproses permintaan anda.
 - 8.2. Hak anda untuk melihat data peribadi anda adalah terhad kepada data peribadi anda sahaja. Kami tidak dibenarkan untuk mendedahkan apa-apa data peribadi mengenai mana-mana individu lain kepada anda. Kami berhak untuk menolak akses kepada data peribadi anda jika ia akan mendedahkan atau membawa kepada pendedahan data peribadi individu

lain, menyebabkan kemudaratan kepada anda atau individu lain atau bertentangan dengan kepentingan negara.

- 8.3. Anda boleh mengemukakan permintaan bertulis untuk membetulkan data peribadi anda yang telah kami kumpul dan simpan. Pihak kami akan membuat pembedulan-pembedulan yang diperlukan secepat mungkin dengan syarat bahawa pihak kami berpuas hati bahawa pembedulan-pembedulan tersebut harus dibuat. Sekiranya pihak kami berpendapat bahawa pembedulan-pembedulan tersebut tidak sepatutnya dibuat, kami akan memaklumkan kepada anda.

9. Adakah data peribadi saya selamat?

- 9.1. Pihak MRA tidak akan mendedahkan butiran data peribadi anda kepada mana-mana orang lain melainkan pihak kami mendapat kebenaran anda atau ia diperlukan di bawah kewajipan undang-undang atau sebarang kewajipan lain untuk berbuat demikian. Akses kepada data peribadi anda adalah atas yang perlu diketahui. MRA berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan standard kerahsiaan dan keselamatan yang tertinggi terhadap data peribadi anda. Oleh itu, pihak kami mempunyai dasar-dasar dan prosedur-prosedur dalaman untuk memastikan bahawa data peribadi anda disimpan dengan selamat. Ini termasuk yang berikut:-

- 9.1.1. menegah akses kepada data peribadi anda;
- 9.1.2. menjalankan taklimat dan latihan secara berkala untuk kakitangan kami berhubungan dengan dasar perlindungan data kami;
- 9.1.3. mengenakan kewajipan kerahsiaan ke atas kakitangan kami;
- 9.1.4. menjalankan audit secara berkala terhadap dasar perlindungan data kami; dan
- 9.1.5. merangka prosedur yang akan dilaksanakan sekiranya berlaku pelanggaran keselamatan.

10. Berapa lamakah anda akan menyimpan data peribadi saya?

- 10.1. MRA akan menyimpan data peribadi anda selagi tujuan data peribadi anda dikumpulkan masih disampaikan dan selagi perlu untuk tujuan undang-undang, pengawalseliaan atau komersial.

- 10.2. MRA akan melupuskan atau menjadikan data peribadi tanpa nama dengan selamat yang dapat ditentukan secara munasabah sebagai tidak diperlukan lagi.

11. Adakah anda memindahkan data peribadi saya di luar bidang kuasa di mana ia pertama kali diterima oleh MRA?

- 11.1. Data peribadi anda boleh dipindahkan, disimpan oleh dan/atau diproseskan oleh pihak di luar bidang kuasa di mana ia pertama kali diterima oleh MRA.

11.2. MRA akan memastikan bahawa pihak yang menerima, menyimpan dan/atau memproses data peribadi anda di luar bidang kuasa di mana ia pertama kali diterima oleh MRA melindungi data peribadi anda pada standard sekurang-kurangnya setanding dengan perlindungan di bawah PDPA. MRA akan memastikan bahawa pihak berkenaan berhubung dengan data peribadi anda di luar bidang kuasa tempat ia mula-mula diterima oleh MRA:-

11.2.1. mematuhi PDPA, semua undang-undang dan peraturan yang terpakai dan Dasar Privasi ini dan tidak akan melakukan atau membenarkan apa-apa untuk dilakukan yang mungkin menyebabkan MRA melanggar Dasar Privasi ini; dan

11.2.2. mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan pematuhan sedemikian dengan melaksanakan perlindungan data yang diperlukan dan langkah teknikal dan organisasi yang sesuai dan menyediakan standard perlindungan untuk data peribadi anda yang setanding dengan perlindungan di bawah PDPA.

12. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya mempunyai aduan?

12.1. Sekiranya anda mempunyai sebarang kebimbangan atau masalah dengan cara data peribadi anda dikendalikan, sila tulis kepada kami dan nyatakan dengan jelas jenis kebimbangan anda.

12.2. Setelah menerima aduan anda, kami akan mengesahkan bahawa aduan anda akan disiasat dan memberikan anda anggaran berapa lama anda perlu menunggu untuk menerima jawapan penuh. Walaupun MRA berusaha untuk bertindak balas secepat mungkin, masa respons akan berbeza bergantung pada jenis aduan.

13. Siapa yang boleh saya hubungi mengenai data peribadi saya atau polisi ini?

13.1. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau keraguan mengenai polisi-polisi yang dinyatakan dalam pernyataan ini atau mengenai data peribadi anda yang kami memperoleh, mengekal, memproses, mengguna dan mendedah atau jika anda ingin mengakses atau membetulkan data peribadi anda, anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data MRA melalui:-

a. Talian khidmat pelanggan: +603 8941 1716

b. Surat bertulis: Malayan Racing Association, C/O Selangor Turf Club, Jalan Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur

c. E-mel kepada: contactus@malayanracing.com

d. Maklum balas di laman web kami.

13.2. Untuk maklumat lanjut mengenai PDPA, sila lawati laman web Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi di <http://pdpc.gov.sg/> dan <http://www.pdp.gov.my>.

14. **Pengemaskinian**

14.1. MRA memelihara hak untuk meminda Polisi Perlindungan Data Peribadi dan Privasi ini pada bila-bila masa dengan menyiarkan perubahan tersebut di Laman Web kami.

15. **Konflik**

15.1. Notis Privasi ini disediakan di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat percanggahan dan ketidakselarasan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

Dikemaskini pada: 1 Julai 2024